



AZAREEN memberi penerangan tentang ilustrasi kepada para peserta.



PUAD Bebit memberi komen terhadap hasil karya peserta.

Bengkel Flustrasi Puisi tingkatkan kemahiran berkarya

UB 27.05.2012 B5

Oleh **MOHD NURAZWAN AUGUSTINE**
utusanborneokk@yahoo.com.my

SEAWAL pukul 8.00 pagi lagi, jelas kelihatan kelibat para mahasiswa sedang berlegar-legar di Tadika Perpaduan, Kampung Titingan, Tawau, bagi mengikuti Bengkel Ilustrasi Puisi yang telah dijadualkan.

Seramai 40 orang pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam terlibat dalam bengkel ini yang merupakan salah satu aktiviti di bawah program Eksplorasi Ilustrasi Puisi Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) pada 19-23 Mei 2012.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh dua orang pensyarah dari Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah, iaitu Puad Bebit dan Mohd Azareen Aminullah serta salah seorang artis terkenal tanah air iaitu Sani Sudin (Koprata).

Suasana bengkel berlangsung dalam keadaan yang lebih santai dan terbuka, ditambah pula gelagat para penceramah terutama sekali Sani Sudin yang begitu mencuit hati para peserta dengan lawak jenaknya yang spontan.

Sebenarnya, bengkel yang telah diadakan pada hari ketiga program ini bertujuan untuk menajam dan memantapkan penghasilan ilustrasi, puisi serta kemahiran berkarya di kalangan peserta khususnya mahasiswa.

Menurut Puad Bebit, melalui bengkel ini para peserta diajar bagaimana cara untuk menghasilkan sajak dan memindahkan sajak itu ke dalam bentuk lukisan ataupun visual.

“Ilustrasi itu bertujuan untuk menjelaskan lagi apa yang digambarkan dalam puisi tersebut.

“Para pelajar akan diberi dengan pelbagai pendekatan agar mereka dapat mentafsir puisi dalam bentuk visual dan juga lisan,” katanya yang juga merupakan Pengerusi Tetap MAKUM.

Di akhir program, hasil karya peserta akan dipamer dan dinilai oleh juri profesional yang dilantik.

“Hasil karya para peserta juga akan dinilai yang mana layak untuk dipertandingkan pada malam penutupan program nanti,” tambahnya.

Sesuai dengan pemilihan Kampung Titingan sebagai lokasi program, tema karya yang diberikan bagi puisi dan juga ilustrasi adalah berkisar sepanjang perjalanan

eksplorasi dan suasana di Kg. Titingan sendiri seperti keindahannya, sosial, serta apa sahaja yang berkaitan.

Menerusi bengkel ini, para peserta memperoleh ilmu tambahan lain iaitu, bagaimana cara untuk melagukan puisi, yang mana telah dibengkelkan juga oleh Sani Sudin yang sememangnya begitu terkenal dengan penciptaan lagu-lagu puisi bersama kumpulan Koprata.

Pada malam penutupan program ini, para peserta yang terpilih tampil dengan karya segar mereka untuk dinilai oleh para juri.

Mereka yang terpilih nyata tidak mengecewakan para penonton khususnya penduduk kampung yang hadir, apabila tampil berani dengan pelbagai variasi persembahan sehinggakan ada yang mengeluarkan air mata ketika mendeklamasi puisi.

Apa yang menggembarakan, pihak penganjur telah menyediakan hadiah bagi setiap pemenang yang dipilih dan hasil karya peserta akan menjadi hak milik penganjur.

Antara peserta yang terpilih bagi kategori Ilustrasi dan

Deklamasi Puisi ialah, Noridayu Binti Mat Lazin, Nur Asidah Binti Siring, Amir

Dahari Bin Abdullah, Mohammad Irwan Bin Mazlan, Abdul Hadi Bin Ghaffar, Yunus Bin Kapong, Ahmad Azreen Wahibuddin, Astuti binti Asnawi, Geetha a/p Rathakrishnan, Nurul Ain Binti Abdul Jalil, Siti Aisyah Binti Abdul Hamid, Fatimah Ismail, Nur Adlin Effy Binti M. Nasir, Nor Suhaila Binti Sulaiman, Nur Azidah Binti Md. Sith, Nur Huda Binti A. Hamid, Masniah Binti M. Ali, Maslijan Binti Abd Rasad, Nurhayati Binti Basran, Qurratu Ain Binti Baharul Hafiz, Nur Aidil Hawa Binti Mohammad, Muslim Binti Mat Lajim, Syakirin Hafizin Binti Mohamad, Mohd Husaini Mohammad Rofi dan Mohamad Afendi Binti Jasni.

Bagi pertandingan Deklamasi Puisi, Mohd Husaini Mohammad Rofi (UniSZA) telah dinobatkan sebagai juara dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM700.00 manakala, Maslijan Binti Abd Rasad (UMS) di tempat kedua mendapat RM500.00 diikuti oleh Qurnatu Ain Binti Baharul Hafidz (UNIMAS) di tempat ketiga, RM300.00.

Pertandingan Ilustrasi Puisi pula menyaksikan Muslim Mat Lajim (UMS) dinobatkan sebagai pemenang dengan mendapat RM500.00, manakala Syakirin Hafizin Bin Mohamad (UniSZA) di tempat kedua mendapat RM300.00 dan tempat ketiga ialah Nur Aidil Hawa Binti Mohammad (UniMAS) dengan mendapat RM100.00.

Selain itu, hasil karya peserta juga akan diabadikan dalam bentuk penerbitan (buku coffee table).

GELAGAT Sani Sudin (kiri) yang mencuit hati sambil diperhatikan Puad.

